


# Retreat Program MCG Siri 1 2012

Artikel oleh: Arif Mandangan

Program Matematik dengan Komputer Grafik (MCG) telah mengadakan Retreat MCG Siri 1 2012 pada 16 hingga 18 Julai 2012 bertempat di Bilik Gerakan Kumpulan Penyelidikan MASA SST. Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh Dekan SST P.M Dr Baba Musta. Program ini melibatkan semua pensyarah Program MCG dan dipengerusikan oleh Yang Berusaha Dr. Abdullah Bade selaku Ketua Program MCG. Antara objektif utama program ini adalah pengagihan kursus-kursus dan tenaga pengajar pada setiap semester serta penambahbaikan silibus kursus-kursus teras dan elektif program. Ini termasuklah pengemaskinian kandungan *Table 3* dan jadual *Student Learning Time* (SLT) bagi setiap kursus demi memastikan setiap kursus yang ditawarkan adalah kekal relevan dan berkualiti. Turut menjadi objektif utama retreat ini adalah bagi membincangkan struktur baharu Program MCG menjelang pelaksanaan pengajian 4 tahun program prasiswazah. Menerusi pembentukan struktur baharu ini, beberapa kursus-kursus baharu telah dicadangkan untuk



ditambah dan beberapa kursus yang kurang relevan pula dicadangkan untuk dimansuh. Demi memastikan Program MCG sentiasa sejajar dengan keperluan MQA, pengemaskinian dokumen-dokumen MQA turut dilaksanakan. Pada hari terakhir, satu slot perkongsian berkenaan pembentukan dan pelaksanaan kaedah rubrik dalam penilaian tugas pelajar telah diadakan dibawah kelolaan Cik Salina Sulaiman. Menjelang tengahari, program ini telah dirumuskan dan seterusnya ditutup dengan rasminya oleh YBerusaha Dr. Abdullah Bade.